



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

DOKUMEN STANDARD PRESTASI PENDIDIKAN MUZIK TAHUN 4

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina sebagai panduan untuk guru menambahbaik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang diharapkan oleh kurikulum mata pelajaran ini.

Adalah diharapkan dokumen ini dapat memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada guru tentang hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan tentang pembinaan modal insan yang berteraskan kepada pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

TAFSIRAN

- **Band** ialah satu label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu.
- **Standard** ialah satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang individu.
- **Standard Prestasi** ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan di mana kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (band). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran.
- **Deskriptor** ialah pernyataan yang menerangkan apa yang murid tahu dan boleh buat berdasarkan standard di mana kualiti boleh ditaksir dan dicapai.
- **Evidens**
 - Murid** : Pernyataan yang menerangkan tentang bagaimana murid melaksanakan apa yang dia tahu dan boleh buat berdasarkan deskriptor.
 - Instrumen** : Bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk produk atau proses seperti foto, grafik, artifik, laporan dan lain-lain.
- **Instrumen** ialah alat yang digunakan untuk menguji penguasaan atau pencapaian murid bagi sesuatu domain seperti ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi, ujian amali.

KERANGKA STANDARD PRESTASI

BAND	STANDARD
1	Tahu
2	Tahu dan Faham
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali

TAFSIRAN BAND

BAND	PERNYATAAN BAND	TAFSIRAN
1	TAHU	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	TAHU DAN FAHAM	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB TERPUJI	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB MITHALI	Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekal.

MATLAMAT KURIKULUM DUNIA MUZIK

Kurikulum Dunia Muzik sekolah rendah bermatlamat untuk membina potensi diri murid ke arah melahirkan insan kreatif yang menghayati dan menikmati muzik secara intelektual menerusi aktiviti muzikal.

OBJEKTIF KURIKULUM DUNIA MUZIK

Kurikulum Dunia Muzik bertujuan untuk membolehkan murid mencapai standard pembelajaran berikut:

1. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman muzik menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan permainan alat muzik.
2. Menghasilkan idea muzikal kreatif menerusi aktiviti nyanyian, gerakan dan bermain alat muzik.
3. Menghargai pelbagai jenis muzik dengan menyatakan secara lisan dari aspek muzikal karya muzik yang didengar.
4. Mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzikal.

OBJEKTIF KURIKULUM DUNIA MUZIK TAHUN 4

Kurikulum Pendidikan Muzik Tahun Empat bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Menyanyi lagu dengan ton suara dan ekspresi yang sesuai serta pic, sebutan dan kawalan pernafasan yang betul mengikut tempo,
2. Memainkan perkusi dengan ekspresi yang sesuai berdasarkan keratan skor mengikut tempo,
3. Melakukan pergerakan berdasarkan muzik yang didengar,
4. Memainkan rekoder dengan teknik yang betul berdasarkan skor,
5. Meneroka dan menghasilkan idea muzikal menggunakan vokal dan perkusi,
6. Mengenal pasti pelbagai muzik yang didengar,
7. Menama dan menulis simbol muzik, not, tanda rehat dan meter; dan
8. Mengamalkan nilai murni menerusi aktiviti muzikal.

BAND	PERNYATAAN STANDARD
1	Mengetahui asas muzik dan nilai sahsiah
2	Mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang elemen muzik serta menerapkan nilai sahsiah
3	Menguasai pengetahuan, kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dan mempunyai nilai sahsiah
4	Menguasai pengetahuan, kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dengan betul dan mengamalkan nilai sahsiah
5	Menguasai pengetahuan, kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dengan betul, tepat supaya menjadi murid contoh kepada yang lain dan berketrampilan dalam nilai sahsiah
6	Menguasai pengetahuan, kemahiran serta mengaplikasikannya secara kreatif dalam aktiviti muzikal supaya menjadi contoh dan boleh menunjuk cara dengan betul, tepat dan berkeperibadian mulia dalam nilai sahsiah

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
1 Tahu	B1 Mengetahui asas muzik dan nilai sahsiah	B1D1 Mengenal pasti simbol dan konsep muzik	B1D1E1 Mengenal pasti baluk, garis bar, klef trebel dan garis penamat B1D1E2 Mengenal pasti not semibrif, minim, krochet dan kuaver B1D1E3 Mengenal pasti nilai not, tanda rehat serta meter 2 dan 4 4 4 B1D1E4 Mengenal pasti: <ul style="list-style-type: none">- pic- solfa- dinamik- ekspresi- tempo B1D1E5 Mengenal pasti asas permainan rekoder: <ul style="list-style-type: none">- penjarian- pernafasan- perlidahan- embouchure- postur

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
1 Tahu		B1D2 Menghayati 1 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi	B1D2E1 Menunjukkan penghayatan 1 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
2 Tahu dan Faham	B2 Mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang elemen muzik serta menerapkan nilai sahsiah	B2D1 Menerangkan simbol dan konsep muzik	B2D1E1 Menerangkan baluk, garis bar, klef trebel dan garis penamat B2D1E2 Menerangkan not semibrief, minim, krocet dan kuaver B2D1E3 Menerangkan nilai not, tanda rehat serta meter 2 dan 4 4 4 B2D1E4 Menerangkan: <ul style="list-style-type: none">- pic- solfa- dinamik- ekspresi- tempo B2D1E5 Menerangkan asas permainan rekoder: <ul style="list-style-type: none">- penjarian- pernafasan- perlidahan- embouchure- postur

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
2 Tahu dan Faham		B2D2 Menghayati 2 hingga 3 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi	B2D2E1 Menunjukkan penghayatan 2 hingga 3 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
3 Tahu, Faham dan Boleh Buat	<p>B3 Menguasai pengetahuan, kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dan mempunyai nilai sahsiah</p>	<p>B3D1 Menulis simbol not dan meter</p> <p>B3D2 Menunjuk cara nyanyian, permainan perkusi dan rekoder</p>	<p>B3D1E1 Menulis baluk, garis bar, klef trebel dan garis penamat</p> <p>B3D1E2 Menulis not G, A, B, C', D' dalam bentuk semibrief, minim, krocet dan kuaver</p> <p>B3D1E3 Menulis nilai not, tanda rehat dan meter 2 4 dan 4 4</p> <p>B3D2E1 Menyanyikan pic tinggi dan rendah</p> <p>B3D2E2 Menyanyi solfa dalam pelbagai corak irama</p> <p>B3D2E3 Memainkan perkusi, rekoder atau nyanyian dengan dinamik kuat (f), lembut (p) dan sederhana kuat (mf)</p> <p>B3D2E4 Memainkan rekoder atau perkusi dalam pelbagai tempo</p>

			<p>B3D2E5 Memainkan corak irama dalam permainan perkusi</p> <p>B3D2E6 Mempraktikkan penjarian, pernafasan, perlidahan, embouchure dan postur dalam permainan rekoder</p> <p>B3D2E7 Memainkan melodi, melodi kaunter mengikut frasa berdasarkan skor dalam permainan rekoder</p>
		<p>B3D3 Menghayati muzik yang didengar dan mengaitkannya dengan alat muzik</p>	<p>B3D3E1 Mengenal pasti alat muzik dan cara persembahan yang didengar</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
3 Tahu, Faham dan Boleh Buat		B3D4 Menghayati 4 hingga 5 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi	B3D4E1 Menunjukkan penghayatan 4 hingga 5 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
4 Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab	B4 Menguasai pengetahuan, kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dengan betul dan mengamalkan nilai sahsiah	B4D1 Menulis simbol not dan meter dengan betul B4D2 Menunjuk cara nyanyian dan permainan alat perkusi dan rekoder dengan betul	B4D1E1 Menulis baluk, garis bar, klef trebel dan garis penamat dengan betul B4D1E2 Menulis not G, A, B, C', D' dalam bentuk semibrif, minim, krocet dan kuaver dengan betul B4D1E3 Menulis nilai not, tanda rehat dan meter $\frac{2}{4}$ dan $\frac{4}{4}$ dengan betul B4D2E1 Menyanyikan pic dengan betul B4D2E2 Menyanyi solfa dalam pelbagai corak irama dengan betul B4D2E3 Memainkan perkusi, rekoder atau nyanyian dengan dinamik kuat (f), lembut (p) dan sederhana kuat (mf) dengan betul B4D2E4 Memainkan rekoder atau perkusi dalam pelbagai tempo dengan betul

		<p>B4D3 Menghayati muzik yang didengar dan mengaitkannya dengan cara persembahan</p>	<p>B4D2E5 Memainkan corak irama dalam permainan perkusi dengan betul</p> <p>B4D2E6 Mempraktikkan penjarian, pernafasan, perlidahan, embouchure dan postur dalam permainan rekoder dengan betul</p> <p>B4D2E7 Memainkan melodi, melodi kaunter mengikut frasa berdasarkan skor dalam permainan rekoder dengan betul</p> <p>B4D3E1 Mengenal pasti alat muzik dan cara persembahan muzik yang didengar dengan betul</p>
--	--	---	--

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
4 Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab		B4D4 Menghayati 6 hingga 7 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi	B4D4E1 Menunjukkan penghayatan 6 hingga 7 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
5 Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji	<p>B5 Menguasai pengetahuan, kemahiran serta mengaplikasikannya dalam aktiviti muzikal dengan betul, tepat supaya menjadi murid contoh kepada yang lain dan berketrampilan dalam nilai sahsiah</p>	<p>B5D1 Menulis simbol not dan meter dengan betul dan tepat</p> <p>B5D2 Menunjuk cara nyanyian, permainan perkusi dan rekoder dengan betul dan tepat/lancar</p>	<p>B5D1E1 Menulis baluk, garis bar, klef trebel dan garis penamat dengan betul dan tepat</p> <p>B5D1E2 Menulis not G, A, B, C', D' dalam bentuk semibrif, minim, krochet dan kuaver dengan betul dan tepat</p> <p>B5D1E3 Menulis nilai not, tanda rehat dan meter 2 4 dan 4 dengan betul dan tepat 4</p> <p>B5D2E1 Menyanyikan pic dengan betul dan lancar</p> <p>B5D2E2 Menyanyi solfa dalam pelbagai corak irama dengan betul dan lancar</p> <p>B5D2E3 Memainkan perkusi, rekoder atau nyanyian dengan dinamik kuat (f), lembut (p) dan sederhana kuat (mf) dengan betul dan lancar</p>

			<p>B5D2E4 Memainkan rekoder atau perkusi dalam pelbagai tempo dengan betul dan tepat</p> <p>B5D2E5 Memainkan corak irama dalam permainan perkusi dengan betul dan tepat</p> <p>B5D2E6 Mempraktikkan penjarian, pernafasan dan perlidahan dalam permainan rekoder dengan betul dan lancar</p> <p>B5D2E7 Memainkan melodi, melodi kaunter mengikut frasa berdasarkan skor dalam permainan rekoder dengan betul dan lancar</p>
		<p>B5D3 Menghayati muzik yang didengar dan mengaitkannya dengan alat muzik serta cara persempahan dengan betul dan yakin</p>	<p>B5D3E1 Mengenal pasti alat dan cara persempahan muzik yang didengar dengan betul dan yakin</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
5 Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji		B5D4 Menghayati 8 hingga 9 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi	B5D4E1 Menunjukkan penghayatan 8 hingga 9 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
6 Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali	B6 Menguasai pengetahuan, kemahiran serta mengaplikasikannya secara kreatif dalam aktiviti muzikal supaya menjadi contoh serta boleh menunjuk cara dengan betul, tepat dan berkeperibadian mulia dalam nilai sahsiah	B6D1 Menunjukkan kreativiti di dalam aktiviti muzikal. B6D2 Menunjuk cara nyanyian, permainan perkusi dan rekoder secara kreatif dengan betul dan tepat	B6D1E1 Mencipta corak irama mudah 2 4 B6D1E2 Mencipta dan menyanyikan melodi mudah B6D1E3 Menghasilkan kesan bunyi secara kreatif menggunakan perkusi B6D2E1 Menyanyikan pic dengan betul, lancar dan kreatif B6D2E2 Memainkan perkusi, rekoder atau nyanyian dengan dinamik kuat (f), lembut (p) dan sederhana kuat (mf) dengan betul, lancar dan kreatif B6D2E3 Memainkan rekoder atau perkusi dalam tempo yang betul, tepat dan kreatif B6D2E4 Memainkan corak irama dalam permainan perkusi dengan betul, tepat dan kreatif

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
6 Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali		<p>B6D3 Menghayati muzik yang didengar dan mengaitkannya dengan alat muzik serta cara persembahan yang betul daripada pelbagai repertoire</p> <p>B6D4 Menghayati 10 hingga 13 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi</p>	<p>B6D3E1 Menjelaskan alat dan cara persembahan muzik yang didengar daripada pelbagai repertoire</p> <p>B6D4E1 Menunjukkan penghayatan 10 hingga 13 nilai daripada nilai-nilai berikut: Baik hati, Bertanggungjawab, Berterima kasih, Hemah tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Toleransi</p>